

**Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Selasa, 12 Mac 2024**



KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

## **KENYATAAN MEDIA**

### **BAGI PERANGKAAN GETAH BULANAN, MALAYSIA**

### **JANUARI 2024**

---

#### **Pengeluaran getah asli Malaysia menurun 0.2 peratus pada Januari 2024**

PUTRAJAYA, 12 Mac 2024 – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan **Perangkaan Getah Bulanan, Malaysia, Januari 2024**. Penerbitan ini memaparkan statistik pengeluaran, import, eksport, penggunaan domestik, stok, harga, bilangan pekerja, gaji & upah dan produktiviti bagi estet getah.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, pengeluaran getah asli menurun 0.2 peratus pada bulan Januari 2024 (30,273 tan metrik) berbanding pada bulan Disember 2023 (30,342 tan metrik). Perbandingan tahun ke tahun menunjukkan pengeluaran getah asli meningkat 2.8 peratus (Januari 2023: 29,451 tan metrik). Pengeluaran getah asli Malaysia pada Januari 2024 disumbangkan terutamanya oleh sektor pekebun kecil (88.3%) berbanding sektor estet (11.7%).

Jumlah stok getah asli pada Januari 2024 meningkat 6.5 peratus kepada 203,772 tan metrik berbanding 191,304 tan metrik pada Disember 2023. Kilang pemproses getah menyumbang stok akhir sebanyak 92.0 peratus diikuti kilang pengguna getah (7.9%) dan estet getah (0.1%).

Eksport getah asli Malaysia berjumlah 43,111 tan metrik pada Januari 2024, menurun 5.4 peratus berbanding Disember 2023 (45,591 tan metrik). China terus kekal sebagai destinasi utama untuk eksport getah asli iaitu berjumlah 32.0 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport pada Januari 2024 diikuti Emiriah Arab Bersatu (13.5%), Jerman (13.0%), Amerika Syarikat (7.3%) dan India (6.3%). Prestasi eksport disumbangkan oleh produk berasaskan getah asli seperti sarung tangan getah, tayar, tiub, benang getah dan kondom. Produk sarung tangan getah merupakan eksport utama dengan nilai sebanyak RM1.02 billion pada Januari 2024, meningkat 7.3 peratus berbanding Disember 2023 (RM0.95 billion).

Analisis perbandingan harga purata bulanan menunjukkan Lateks Pekat merekodkan peningkatan iaitu 8.9 peratus (Januari 2024: 585.74 sen sekilogram; Disember 2023: 537.63 sen sekilogram) manakala Sekerap meningkat sebanyak 7.4 peratus (Januari 2024: 583.29 sen sekilogram; Disember 2023: 542.89 sen sekilogram). Harga bagi semua jenis Getah Mutu Malaysia (G.M.M) pula meningkat antara 5.9 peratus hingga 8.8 peratus. *The World Bank Commodity Price Data* melaporkan harga bagi getah jenis TSR 20 (*Technically Specified Rubber*) meningkat 5.0 peratus (daripada USD 1.46/kg kepada USD1.53/kg) dan SGP/MYS (Singapura/Malaysia) meningkat 8.6 peratus (daripada USD1.66/kg kepada USD1.80/kg).

Menurut *Malaysia Rubber Board Digest* pada Januari 2024, trend pasaran getah Kuala Lumpur bercampur-campur sepanjang bulan dengan harga Getah Mutu Malaysia 20 dalam pergerakan turun naik. Secara amnya, sentimen pasaran disokong oleh pasaran yang menggalakkan terutama bekalan getah yang terhad daripada negara pengeluar getah akibat daripada cuaca lembab.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.


Pangkalan Data Utama (PADU) telah dilancarkan pada 2 Januari 2024. PADU mengandungi profil individu dan isi rumah meliputi warganegara dan pemastautin tetap di Malaysia. Matlamat utama PADU untuk memastikan rakyat Malaysia tidak tercicir daripada setiap inisiatif berpaksikan rakyat yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Dimohon kerjasama untuk mendaftar dan mengemaskini PADU sebelum atau pada 31 Mac 2024. Sila layari <https://www.padu.gov.my> bagi maklumat lanjut berkaitan PADU atau menghubungi talian hotline berikut;

- i) Jabatan Perangkaan Malaysia: 1-800-88-7720 /1-800-88-7721
- ii) Pertanyaan secara online melalui SISPA: <https://padu.spab.gov.my>.

**Carta 1: Pengeluaran dan penggunaan domestik bagi getah asli Januari 2023, Disember 2023 – Januari 2024**  
(‘000 tan metrik)



**Carta 2: Import dan eksport bagi getah asli Januari 2023, Disember 2023 – Januari 2024**  
(‘000 tan metrik)



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA  
12 MAC 2024**

**Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Tuesday, 12<sup>th</sup> March 2024**



MINISTRY OF ECONOMY  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

**MEDIA STATEMENT**  
**FOR MONTHLY RUBBER STATISTICS, MALAYSIA**  
**JANUARY 2024**

---

**Malaysia natural rubber production  
decreased by 0.2 per cent in January 2024**

PUTRAJAYA, 12 March 2024 – The Department of Statistics, Malaysia (DOSM) today released the **Monthly Rubber Statistics, Malaysia, January 2024**. This publication consists of statistics on production, imports, exports, domestic consumption, stocks, prices, number of employees, salaries & wages and productivity of rubber estates.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, Natural Rubber (NR) production decreased by 0.2 per cent in January 2024 (30,273 tonnes) as compared to December 2023 (30,342 tonnes). Year-on-year comparison showed that the production of NR increased by 2.8 per cent (January 2023: 29,451 tonnes). Production of NR in January 2024 for Malaysia was mainly contributed by smallholders sector (88.3%) as compared to estates sector (11.7%).

Total stocks of NR in January 2024 increased by 6.5 per cent to 203,772 tonnes as compared to 191,304 tonnes in December 2023. Rubber processors factory contributed 92.0 per cent of the stocks followed by rubber consumers factory (7.9%) and rubber estates (0.1%).

Exports of Malaysia's NR amounted to 43,111 tonnes in January 2024, decreased 5.4 per cent as against December 2023 (45,591 tonnes). P.R. China remained as the main destination for NR exports which accounted 32.0 per cent of total exports in January 2024

*followed by the United Arab Emirates (13.5%), Germany (13.0%), the United States of America (7.3%) and India (6.3%). The exports performance was contributed by NR-based product such as gloves, tyre, tube, rubber thread and condom. Gloves were the main exports of rubber-based products with a value of RM1.02 billion in January 2024, an increase of 7.3 per cent as compared to December 2023 (RM0.95 billion).*

*Analysis of the average monthly price showed that Concentrated Latex recorded an increase of 8.9 per cent (January 2024: 585.74 sen per kg; December 2023: 537.63 sen per kg) while Scrap increased by 7.4 per cent (January 2024: 583.29 sen per kg; December 2023: 542.89 sen per kg). Prices for all Standard Malaysian Rubber (S.M.R) increased between 5.9 per cent to 8.8 per cent. The World Bank Commodity Price Data reported the prices for TSR 20 (Technically Specified Rubber) has increased 5.0 per cent (from USD1.46/kg to USD1.53/kg) and SGP/MYS (Singapore/Malaysia) increased 8.6 per cent (from USD1.66/kg to USD1.80/kg).*

*According to the Malaysia Rubber Board Digest in January 2024, the Kuala Lumpur rubber market showed a mixed trend throughout the month with the price of SMR 20 fluctuating within movement. Generally, the market sentiment was supported by favourable market fundamentals especially tighter rubber supply due to wet weather in major rubber-producing countries.*

*The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalog of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.*

*DOSM will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is "Agriculture Census, Key to Agricultural Development."*


*The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life".*

*The Central Database (PADU) was launched on 2 January 2024. PADU contains individual and household profiles covering citizens and permanent residents of Malaysia. The main goal of PADU is to ensure that Malaysians are not left behind from citizen centric initiatives implemented by the Government. Your kind cooperation is requested*


to register and update PADU by 31 March 2024. Please visit <https://www.padu.gov.my> for more information related to PADU or contact the following hotlines;

- i) Department of Statistics Malaysia: 1-800-88-7720 /1-800-88-7721
- ii) Online Enquiries through SISPA: <https://padu.spab.gov.my>.

**Chart 1: Production and domestic consumption of natural rubber January 2023, December 2023 - January 2024**  
(‘000 tonnes)



**Chart 2: Imports and exports of natural rubber January 2023, December 2023 - January 2024  
(‘000 tonnes)**



*Released by:*

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA  
12 MARCH 2024**